

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : " SEMINAR SEHARI `PENAFSIRAN SEMULA PERANAN AHLI PROFESSIONAL MUSLIM ABAD KE 21' ANJURAN MUSLIM BUSINESS AND PROFESSIONAL FELLOWSHIP"
Lokasi : HOTEL PARK ROYAL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 25-01-1994

Enam tahun lagi kita akan meninggalkan Abad Ke 20 dan melangkah ke Abad 21. Kedatangannya membawa bersama cabaran baru yang perlu ditangani untuk kita terus maju mencapai cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dari semua aspek. Ciri-ciri cabaran Abad 21 bagi negara sudapn kelihatan sekarang ini. Dalam bidang ekonomi, ia mengambil bentuk persaingan yang semakin sengit bagi mendapatkan sumber pengeluaran, khususnya modal pelaburan dan pasaran hasil, serta kemunculan pesaing-pesaing baru dalam arena perdagangan di rantau ini dan dunia amnya. Di samping itu, pembangunan ekonomi yang pesat telah juga mengakibatkan beberapa kesan kepada alam sekitar seperti hakisan bumi serta pencemaran air dan udara. Selain daripada itu, pembangunan ekonomi telah menimbulkan pula tekanan dan permintaan bagi kemudahan-kemudahan awam yang bukan sahaja lebih meluas rangkumannya tetapi juga lebih tinggi kualitasnya, ini ditambah pula dengan cabaran-cabaran yang ditimbulkan oleh tekanan hidup moden ke atas nilai-nilai pokok budaya Melayu-Islam.

2. Dalam dekad lapan puluhan dan awal dekad sembilan puluhan ini kita telah dikejutkan oleh pelbagai peristiwa yang tidak pernah diduga sebelumnya. Jenayah perdagangan yang dilakukan oleh golongan profesional atau pemimpin korporat, penyalahgunaan dadah dan tabiat lepak di kalangan anak-anak muda, meningkatnya wabak penyakit AIDS, penderaan anak-anak dan remaja menghilangkan diri dari rumah, adalah antara isu dan masalah yang telah menggugat pemikiran pemimpin, para cendekiawan, para pendidik dan pentadbir.

Akhir-akhir ini kita digegarkan dengan berlakunya secara bertalu-talu bencana yang mengorban nyawa dan harta benda seperti keruntuhan bangunan, kemendapan jalan-jalan raya di sana sini dan sebagainya. Semuanya ini tidak berlaku secara kebetulan atau tiba-tiba sahaja tanpa sebab musababnya.

Bagi orang-orang Islam yang beriman, peristiwa-peristiwa seperti yang saya sebutkan itu sepatutnya dijadikan pengajaran yang mendorong kita bermuhasabah dan membuat persediaan yang perlu bagi mengelakkan berulangnya atau berlaku secara berlanjutan peristiwa dan fenomena sebagaimana yang telah kita alami di akhir-akhir ini. Ahli-ahli profesional Islam sepatutnya mengambil iktibar daripada pelbagai kejutan dan bencana seperti yang saya nyatakan sebentar tadi. Firman Tuhan dalam Surah Asy Syura ayat ke 20 bermaksud: "Dan apa saja yang menimpa kamu dari suatu musibah, adalah disebabkan perbuatan tangan- tanganmu, dan dia memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan- kesalahan)".

3. Peranan para profesional Muslim sebagai peneraju pemikiran tentang cara- cara bagi mengatasi cabaran-cabaran masyarakat bukan sekadar menggunakan pengetahuan yang telah mereka perolehi daripada Dunia Barat. Pengetahuan ini perlu disesuaikan dengan tuntutan agama. Seperti yang ditegaskan oleh Prof. Seyyed Hoessin Nasr dalam bukunya bertajuk Islamic Life and Thought, "The duty of Islamic scholars functioning in a modern context should be first and foremost to present to the modern world the many treasures of wisdom which still exist in the Islamic tradition but which are half forgotten by a generation of modern Western- educated Muslims. This means translating the traditional truths of Islam into a contemporary language without betraying them." Bagi melaksanakan peranan ini para profesional perlu mempunyai ciri-ciri tertentu. Apakah ciri-ciri ini? Manusia Abad 21 perlu mempunyai lima ciri utama, iaitu:-

(i) ia perlu `competent' dan `well- informed', iaitu berkemampuan mengolah maklumat dan pengetahuan yang sebegitu banyak itu dengan ketajaman daya analisisnya dan kemampuannya berfikir secara integratif dan konseptual. Ini akan membolehkannya bertindak balas dengan cepat terhadap perkembangan pesat di sekitarnya.

Dalam dunia yang penuh persaingan, ciri ini sangat diperlukan.

(ii) ia perlu mengamalkan life-long learning iaitu terus-menerus mencari ilmu sepanjang hayat dengan tujuan menyesuaikan diri dengan dunia yang sememangnya sentiasa mengalami perubahan yang dinamik.

(iii) ia perlu mampu meramal perubahan-perubahan yang bakal berlaku dan seterusnya berwatak kreatif-innovatif dalam menangani cabaran-cabaran baru. Kreativiti itu perlu disertai dengan keberanian bertanggungjawab yakni sanggup membuat keputusan dan sanggup menghadapi risikonya, bukan dengan menyerahkan semuanya kepada pihak atasan. Di samping itu, mereka juga perlu mempunyai kepekaan terhadap keadilan sosial, perpaduan nasional dan solidariti kemanusiaan sejagat.

(iv) ia perlu memiliki harga diri dan kepercayaan pada diri sendiri yang berteras kepada iman yang kuat. Ini akan memungkinkannya berdaya usaha dan bersaing di samping mendorongnya bekerjasama dengan pihak lain. Pegangan pada iman dan agama pula akan menentukan bahawa langkah-langkah yang diambilnya atau dicadangkannya akan mengambilkira dimensi agama, moral dan etika.

(v) ia mampu melakukan ijtihad iaitu menafsirkan ajaran-ajaran agama dengan sebegitu rupa agar terbukti relevansinya dengan perkembangan-perkembangan baru abad 21.

4. Daripada ciri-ciri yang dinyatakan ini, maka para profesional Muslim perlu berusaha untuk memperolehi ilmu bersepadu yang menyatukan bidang pengetahuan atau pengkhususan mereka dengan aqidah, syariah dan akhlaq.

Dengan adanya ilmu bersepadu ini, mereka akan mampu bukan sahaja mempunyai sifat-sifat peribadi dan pengetahuan bagi menyumbang kepada pembangunan negara bahkan juga dapat mempengaruhinya supaya ia tidak menyeleweng daripada tuntutan agama. Selaras dengan ini, ahli profesional Muslim adalah diseru supaya bukan sahaja mendalami kebolehan intelektual di dalam bidang pengkhususan masing-masing atau mampu mentafsir Al-Quran dan Hadis, tetapi sebagai golongan cendekiawan mereka sepatutnya menjadi penggerak di dalam penyebaran nilai-nilai Islam bagi membangun negara.

Kejayaan ahli professional Muslim mengenengahkan skim perbankan mengikut syariah Islam yang telah diterima baik oleh masyarakat Malaysia dewasa ini merupakan satu contoh yang nyata bagaimana prinsip-prinsip Islam boleh digabungkan dengan usaha membangun ekonomi negara. Dalam hal ini skim perbankan mengikut syariat Islam telah mencetuskan kesan gandaan (multiplier effect) yang meliputi pelbagai bidang kewangan dan perkhidmatan yang boleh diterima oleh masyarakat Islam dan bukan Islam.

5. Satu di antara faktor yang menyebabkan umat Islam di beberapa buah negara hari ini mundur ialah sikap mereka yang tidak melihat cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang mereka hadapi secara positif. Setiap permasalahan atau cabaran yang dihadapi harus ditangani secara positif dengan berusaha mencari penyelesaian yang tepat walaupun melalui pengalaman-pengalaman negara-negara bukan Islam. Sejarah pemerintahan `Umar Al-Khattab telah mempamerkan satu contoh pentadbiran yang dinamik dan sistematik. Bagi memastikan bahawa beliau bertindak dan membuat keputusan secara adil dan demokratik beliau telah menubuhkan satu `Consultative Assembly' bagi menasihati beliau dalam pentadbiran negara.

Begitu juga, pentadbiran beliau telah menerima perubahan-perubahan dan perkembangan sesuai dengan realiti semasa. Beliau telah membentuk jabatan-jabatan tertentu dengan fungsi-fungsi tertentu bagi memastikan keberkesanan pentadbirannya. Beliau memastikan bahawa setiap tugas itu diberikan kepada mereka yang benar-benar mempunyai rekod kecemerlangan dalam tugas tersebut serta mempunyai amanah.

Ada beberapa individu seperti Amr Ma'adi dan Tulaihah yang mempunyai kebolehan dalam strategi peperangan, tetapi tidak mempunyai kemampuan dalam pentadbiran di hantar untuk berperang tetapi tidak dibenarkan untuk memegang sebarang tugas pentadbiran. Ini jelas menunjukkan profesionalisme' Umar al-Khattab dalam menjalankan tugasnya.

6. Oleh itu sikap mahu bekerja keras dan menjalankan tugas dengan berkualiti adalah satu sistem nilai yang perlu ada pada setiap ahli profesional Muslim. Bekerja secara profesional dan cekap adalah bersesuaian dengan hadith Rasulullah s.a.w.. `Sesungguhnya Allah menyayangi seseorang apabila dia membuat sesuatu pekerjaan dibuatnya dengan sempurna. Pendekatan dan metod yang berkesan walaupun melalui pengalaman-pengalaman orang-orang bukan Islam haruslah dimanfaatkan oleh ahli profesional Muslim.

Pelajaran daripada pemerintahan `Umar al'Khattab telah menunjukkan bahawa di antara sebab beliau telah berjaya melahirkan satu bentuk pemerintahan yang kukuh dan berkesan ialah keterbukaan beliau menerima ide-idea yang diperolehi dari pengalaman negara-negara bukan Islam. Umpamanya, sistem pengurusan harta dari negara Syria yang ketika itu bukan negara Islam. Ahli profesional Muslim hendaklah mempunyai sikap yang baik, dan senantiasa bersyukur. Dalam hubungan ini, izinkan saya membaca sebuah puisi seorang soldadu yang tidak dikenali namanya: "I asked God for strength that I might achieve.

I was made weak that I might learn humbly to obey.

I asked for help that I might do greater things.

I was given infirmity that I might do better things.

I asked for riches that I might be happy.

I was given poverty that I might be wise.

I asked for power that I might have the praise of men.

I was given weakness that I might feel the need of God.

I asked for all things that I might enjoy life.

I was given life that I might enjoy all things.

I got nothing that I asked for, but everything I hoped for.

Almost despite myself my unspoken prayers were answered.

I among all men am most richly blessed."

7. Mengikut anggaran Kerajaan, pada tahun 2000 negara dijangka memerlukan seramai 900,000 ahli-ahli profesional dan teknikal yang merangkumi berbagai disiplin akademik.

Pencapaian sasaran jumlah ahli-ahli profesional itu tidak akan bermakna jika sekiranya kualiti dan produktiviti mereka masih di tahap yang rendah. Untuk meningkatkan kualiti ahli profesional dan tenaga kerja negara, sikap dan nilai-nilai positif tertentu amat perlu dimiliki oleh segenap lapisan pekerja untuk mendukung aspirasi negara. Di antara nilai-nilai tersebut, amanah adalah merupakan salah satu nilai yang terpenting. Ahli-ahli profesional Muslim harus bertindak adil dengan semua orang agar mereka sentiasa dihormati oleh masyarakat. Mereka perlu juga mempelajari `Islamic Business Ethics' dengan harapan bahawa tindakan-tindakan mereka tidak memberi kesan yang negatif kepada kebajikan pengguna, pekerja dan masyarakat keseluruhannya. Tauhid dalam Islam menjelaskan hubungan manusia dengan Tuhan, dengan manusia lain dan alam sekitar.

Oleh itu sektor perniagaan dan industri harus diserapkan dengan etika Islam agar kita dapat melahirkan masyarakat yang bermoral. Usaha untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat dari sudut moral dan sosial adalah perkara yang harus diambil perhatian

yang serius oleh semua pihak. Ahli-ahli profesional Muslim harus bertindak dengan menjadikan diri sebagai contoh kepada orang lain dari sudut keyakinan diri dan mental yang bersedia menghadapi segala cabaran abad ke 21. Allah mengarahkan agar umat Islam mengamalkan nilai-nilai yang baik dan mengingatkan akibatnya yang buruk yang akan menimpa kita yang lupa menunaikan kewajipan sebagai orang beriman dalam Ayat ke 55 Surah Az Zumar: "Dan ikutilah sebaik-baiknya apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu sebelum azab datang kepadamu dengan tiba-tiba sedang kamu tidak menyedarinya".

8. Sifat amanah perlu ada pada setiap ahli profesional untuk menjadi benteng kepada tekanan-tekanan yang berpunca dari kedudukannya dalam organisasi dan masyarakat. Tanpa amanah, ahli profesional, yang biasanya mempunyai kuasa, pengaruh dan wang, boleh terdorong untuk melakukan penyelewengan, rasuah, penyalahgunaan kuasa, sabotaj dan sebagainya. Jika ini berlaku dengan kerapnya, kedudukan istimewa para profesional dalam masyarakat akan terjejas dan mereka akan kurang dipercayai. Bukan itu sahaja, sifat tidak amanah mereka itu mungkin menular dan merebak kepada seluruh masyarakat. Oleh itu, perhatian yang serius dan berterusan perlu diberi kepada pembentukan dan pengamalan sahsiah yang beramanah.

9. Ahli-ahli profesional Islam hendaklah berada di barisan hadapan menyemarakkan dakwah Islamiah melalui amalan etika profesyen yang berlandaskan iman dan takwa. Kekuatan mereka akan dapat dibangun dengan ilmu dan hikmah yang terpancar daripada kejujuran melaksanakan ajaran-ajaran Al-Quran dan Sunnah Nabi S.A.W. dalam amalan kerja harian.

Bahkan banyak ayat-ayat Al- Quran ditujukan khas kepada ahli-ahli profesional, terutamanya tentang perlunya menggunakan akal fikiran untuk memanfaatkan segala hasil ciptaan Tuhan yang mengisi segenap ruang alam yang kita diami dan yang mampu diterokai.